



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

AHAD, 11 FEBRUARI 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

11/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	DUA PENGASUH DITAHAN DIPERCAYAI DERA BAYI AUTISTIK 11 BULAN	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-pengasuh-ditahan-dipercayai-dera-bayi-autistik-11-bulan-457729	ASTROAWANI.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1059588/2-pengasuh-ditahan-disyaki-dera-abai-bayi-autistik	HMETRO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2024/02/10/polis-siasat-dakwaan-pengasuh-taska-dera-bayi-autisme/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://majoriti.com.my/berita/2024/02/10/video-disyaki-dera-bayi-syurga-2-pengasuh-muda-taska-di-semenyih-dicekup	MAJORITI.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/648956/berita/semasa/dua-pengasuh-taska-ditahan-disyaki-dera-abai-bayi-autisme	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=mNVDJrAvIZO	YOUTUBE
	https://www.kosmo.com.my/2024/02/10/dua-pengasuh-disyaki-dera-bayi-autistik-ditahan/	KOSMO.COM.MY
	https://www.malaysiakini.com/news/695905	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-dua-pengasuh-disyaki-dera-abai-kanakkanak-di-taska-457752	ASTROAWANI.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1210996/polis-tahan-dua-pengasuh-taska-berhubung-kes-abai-anak-autisme	BHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2269494	BERNAMA.COM
	https://mykmu.net/2024/02/10/kes-dera-bayi-tular-di-semenyih-2-pembantu-taska-dicekup-polis/	MYKMU.NET
	https://selangorkini.my/2024/02/dua-pengasuh-taska-ditahan-dera-abai-bayi-11-bulan/	SELANGORKINI.MY
	https://siakapkei.my/2024/02/10/polis-tahan-dua-pengasuh-disyaki-dera-abai-kanak-kanak-di-taska/	SIKAPKEI.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/02/10/police-arrest-2-childcare-centre-workers-over-suspected-abuse/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/10/investigation-into-toddler039s-abuse-at-semenyih-nursery-started-before-video-went-viral-say-cops	THESTAR.COM.MY
	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1011982/two-babysitters-nabbed-alleged-abuse-neglect-childcare-centre	NST.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

11/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
2	KPDN TO ASSIST S'WAK IN ENFORCEMENT ON NATURAL GAS, LPG DISTRIBUTION	
	https://www.theborneopost.com/2024/02/10/kpdn-to-assist-swak-in-enforcement-on-natural-gas-lpg-distribution/	THEBORNEOPOST.COM
	https://www.theborneopost.com/2024/02/10/kpdn-plans-to-expand-reach-of-rahmah-sales-programme-in-sarawak/	THEBORNEOPOST.COM
	https://www.theborneopost.com/2024/02/10/kpdn-168-cases-of-diesel-subsidy-misappropriation-worth-over-rm6-5-mln-in-swak-in-2023/	THEBORNEOPOST.COM
	https://www.newsarawaktribune.com.my/2023-rahmah-sales-programme-attracts-over-800k-visitors/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	https://sumberkini.my/jualah-rahmah-tawar-harga-30-peratus-lebih-murah/	SUMBERKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	ERATKAN PERPADUAN, KUKUHKAN EKONOMI	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1210868/eratkan-perpaduan-kukuhkan-ekonomi	BHARIAN.COM.MY
	https://dayakdaily.com/regardless-of-race-and-religion-lets-celebrate-gong-xi-fa-cai-sarawak-tyt/	DAYAKDAILY.COM
	https://media-perpaduan.com/2024/02/10/lebih-5000-hadir-rumah-terbuka-tahun-baharu-cina-di-kuching/	MEDIA-PERPADUAN.COM
	https://dayakdaily.com/sarawakians-of-all-races-celebrate-cny-together-at-sarawak-govts-open-house/	DAYAKDAILY.COM
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/lebih-5-000-hadir-rumah-terbuka-tahun-baharu-cina-di-kuching	BERITA.RTM.GOV.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT


LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

11/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
4	WANITA DAKWA JUMPA KAMERA TERSEMBUNYI DALAM TANDAS INAP DESA	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/wanita-dakwa-jumpa-kamera-tersembunyi-dalam-tandas-inap-desa/	UTUSAN.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/648909/berita/semasa/wanita-jumpa-kamera-pengintip-dalam-bilik-air-inap-desa	SINARHARIAN.COM.MY
	https://siakapkei.my/2024/02/10/jumpa-kamera-pengintip-dalam-bilik-air-homestay-wanita-jadi-trauma/	SIAKAPKEI.MY
	https://majoriti.com.my/berita/2024/02/10/video-tersembunyi-dalam-bekas-pewangi-4-wanita-trauma-jumpa-kamera-skodeng-dalam-bilik-air-homestay-di-pinang	MAJORITI.COM.MY
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/02/10/percutian-bertukar-mimpi-nger-wanita-dakwa-jumpa-kamera-tersembunyi-dalam-tandas-homestay	MSTAR.COM.MY



Dua pengasuh ditahan dipercayai dera bayi autistik 11 bulan

Umavathi Ramayah
Februari 10, 2024 18:15 MYT



Mohd Zaid berkata, semakan lanjut menerusi rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di pusat jagaan itu, polis mendapati bayi perempuan autistik berkenaan terjatuh dari kerusinya. - Gambar fail/Facebook Polis Selangor

KAJANG: Polis menahan dua pengasuh sebuah pusat asuhan kanak-kanak di Semenyih, di sini kerana dipercayai mendera dan mengabaikan seorang bayi autistik berusia 11 bulan sehingga mengakibatkan mangsa mengalami kecederaan tisu lembut, ketika di bawah jagaan mereka.

Kedua-dua wanita tempatan yang berusia 22 tahun itu ditahan kira-kira pukul 2 petang, pada 29 Januari lalu.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Mohd Zaid Hassan berkata, penahanan itu adalah susulan laporan yang diterima daripada ibu mangsa pada 27 Januari lalu, kira-kira pukul 7.50 malam.

Dalam laporan itu, beliau memberitahu, ketika wanita berusia 35 tahun mengambil anaknya di taska berkenaan, dia menemui beberapa kesan lebam pada dahi anak perempuannya, namun tidak dapat dipastikan puncanya.

"Semakan lanjut menerusi rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di pusat jagaan itu, polis mendapati bayi perempuan autistik berkenaan terjatuh dari kerusinya.

"Malah pengadu turut dikatakan menerima beberapa rakaman video daripada seorang individu tidak dikenali yang memaparkan mangsa didera dan diabaikan pengasuh," katanya dalam kenyataan di sini, pada Sabtu.

Mohd Zaid menambah, mangsa dihantar ke Hospital Kajang untuk pemeriksaan fizikal dan disahkan mengalami kecederaan tisu lembut di bahagian depan.


Beliau memberitahu, kedua-dua suspek dilepaskan dengan jaminan polis selepas keterangan diambil.

"Kertas siasatan sedang dilengkapkan sebelum dirujuk kepada pihak pendakwaan untuk tindakan lanjut," ujarnya.

Kes itu katanya disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun atau denda maksimum RM50,000 atau kedua-duanya sekali.

Orang ramai yang mempunyai maklumat boleh berhubung pegawai penyiasat Insepektor Mohamad Faez Norzah di talian 013-2773407 dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Daerah (IPD) Kajang, atau mana-mana balai polis berhampiran.

Video penderaan itu juga ditularkan menerusi laman Facebook oleh ibu mangsa pada 8 Februari lalu.



KPDN to assist S'wak in enforcement on natural gas, LPG distribution

BY JUDE TOYAT ON FEBRUARY 10, 2024, SATURDAY AT 10:55 AM

SARAWAK



(From second left) Nancy and Armizan interact with shoppers at the Rahmah Sales programme at Mydin Bandar Baru Samariang.

KUCHING (Feb 10): The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has extended a helping hand to the Sarawak government to bolster enforcement efforts on the distribution of natural gas and liquefied petroleum gas (LPG).

Its minister Datuk Armizan Mohd Ali said the initiative aims to enhance regulatory compliance and ensure the smooth transition of gas distribution activities following recent legislative changes in the state.

He noted that the Sarawak government through Ministry of Utility and Telecommunication (MUT) has taken over the distribution of gas activities from Putrajaya following the Distribution of Gas Ordinance 2016 which came into effect on June 1, 2021 through Notification of Exemption under Petroleum Development Act 1974 and Control of Supplies (Exemption) Order 2021.

"Earlier today, I had a meeting with the Minister of Utilities and Telecommunications, Dato Sri Julaihi Narawi. The focus was to discuss aspects of gas distribution, in particular natural gas and LPG.

"We discussed how KPDN can assist in enforcement aspects as we know that MUT will need some time to streamline their unit to enforce the Ordinance.

"So we offered to provide training and advocacy on enforcement," he said in a press conference after officiating at the Santubong Parliamentary Constituency Rahmah Sales programme at Mydin Bandar Baru Samariang here yesterday.


Armizan assured the Sarawak government of KPDN's readiness to offer full support and cooperation in conducting integrated operations.

"Should the Sarawak government require assistance in conducting integrated operations, KPDN is ready to give its full support and cooperation as part of fulfilling the aspirations as enshrined under Malaysia Agreement 1963 (MA63)," he said.

The collaborative endeavor seeks to address various aspects of gas distribution enforcement, including combating smuggling and ensuring compliance with licensing regulations, he added.

"Therefore, the KPDN will help, if needed, to provide training to the enforcers, to offer our services and also to help together if the State government through the MUT wants to implement integrated operations including in the aspect of smuggling enforcement or 'holding' issue for example - storing LPG supplies not following the limit set through the license issued by MUT," he said.

Also present were Minister of Women, Family and Community Development who is also Santubong MP Dato Sri Nancy Shukri and KPDN Sarawak director Matthew Dominic Barin.



Eratkan perpaduan, kukuhkan ekonomi

Oleh Mohd Roji Kawi - Februari 10, 2024 @ 1:16pm
mdroji@bh.com.my



Yang di-Pertua Negeri Tun Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar; Premier Sarawak Tan Sri Abang Johari Tun Openg; Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof serta isteri masing-masing hadir di Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina Peringkat Sarawak 2024 dan merasmikan Majlis dengan mengaul "Yee Sang" - Foto NSTP/NADIM BOKHARI

KUCHING : Sambutan Tahun Naga sempena perayaan Tahun Baharu Cina kali ini diharapkan terus mengeratkan hubungan masyarakat pelbagai kaum dan agama di Sarawak.

Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg berkata, selain itu sambutan yang turut diraikan masyarakat bukan Cina juga diharap membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada seluruh rakyat.

Menurutnya, semangat kebersamaan dalam kepelbagaian sudah lama menjadi amalan di Sarawak dan ia diharap terus menjadi budaya seterusnya memastikan kestabilan yang menjamin ekonomi lebih baik.

"Dalam Tahun Naga ini diharap kita lebih makmur, ekonomi kita lebih mampan dan masyarakat berbilang kaum dan agama terus menaamalkan hidup bersatu padu.

"Dengan masyarakat yang bersatu padu kita dapat menumpukan perhatian kepada pembangunan lebih lestari untuk Sarawak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menghadiri Mais Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina Kerajaan Sarawak di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK) di sini, hari ini.


Yang turut hadir, Yang di-Pertua Negeri, Tun Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan isteri, Toh Puan Fauziah Mohd Sanusi; isteri Premier Sarawak, Puan Sri Juma'ani Tuanku Bujang; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi; Menteri Perpaduan Negara; Datuk Seri Aaron Ago Dagang; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri serta tiga timbalan Premier, Datuk Amar Douglas Uggah Embas; Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan dan Datuk Amar Dr Sim Kui Hian.

Lebih 5,000 rakyat pelbagai kaum menghadiri majlis rumah terbuka Tahun Baharu Cina yang pertama dianjurkan kerajaan Sarawak itu.

Selain itu, Abang Johari berkata, dengan ekonomi yang semakin baik serta pendapatan yang semakin meningkat, beliau yakin memudahkan usaha kerajaan merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar.

Sementara itu, Aaron pula berkata, perayaan yang disambut sesuatu kaum menjadi landasan mengeratkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

"Inilah masa terbaik untuk rakyat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya beramah mesra sesama sendiri seterusnya mengukuhkan perpaduan masyarakat yang menjadi matlamat kita," katanya.



Wanita dakwa jumpa kamera tersembunyi dalam tandas inap desa



Healing trip menjadi MIMPI NGERI!
jumpa spycam dalam toilet dekat
Homestay di Pulau Pinang



1 19 31 8,436

TANGKAP layar yang diambil daripada satu hantaran di laman Twitter mengenai dakwaan seorang wanita yang percaya dirinya telah menjadi mangsa intipan menggunakan kamera tersembunyi di sebuah inap desa, di Jelutong, Pulau Pinang.

Oleh SAFINA RAMLI 10 Februari 2024, 2:44 pm

GEORGE TOWN : Polis masih menyiasat dakwaan seorang wanita yang percaya bahawa dia menjadi mangsa intipan selepas terjumpa sebuah kamera tersembunyi di dalam bilik air di sebuah inap desa di Jelutong, di sini.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Razlam Ab. Hamid berkata, terdahulu, dakwaan tersebut tular selepas ia dimuat naik ke dalam laman Twitter sejak semalam.

"Siasatan awal mendapati, mangsa merupakan seorang wanita warga tempatan berusia 24 tahun yang telah mendaftar masuk ke sebuah inap desa di Jelutong bersama tiga orang rakan pada 5 Februari untuk bercuti.

"Pada 6 Februari iaitu kira-kira pukul 8 malam, mangsa bagaimanapun telah terjumpa sebuah kamera tersembunyi di dalam bekas pewangi di tandas inap desa berkenaan.

"Mangsa kemudiannya melaporkan kepada pengurusan inap desa itu sebelum membuat laporan polis berhubung perkara yang sama," katanya di sini, hari ini.

Berdasarkan hantaran yang dikongsikan dalam laman Twitter terbabit, wanita tersebut telah mendakwa bahawa percutiannya kini menjadi mimpi ngeri selepas menyedari kejadian itu.

Dalam pada itu, Razlam memberitahu, kes itu kini disiasat di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksaan kerana mengaibkan kehormatan seseorang.

"Siasatan sedang dijalankan ketika ini dan pemeriksaan awal mendapati, tiada sebarang imej atau video terkandung dalam storan kamera tersebut.

"Sehubungan itu, polis meminta agar orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi berhubung perkara ini sehingga boleh menjejaskan siasatan," ujarnya.—UTUSAN